

Britain dijangka rugi berbilion pound

27 FEB 1994

Daripada Zam Zam Omar

~~THE~~ ~~STAR~~ ~~BERITA~~

LONDON: Media Britain menganggarkan industri British kerugian berbilion pound dan beribu-ribu orang akan kehilangan kerja akibat sekatan dagangan oleh Kerajaan Malaysia.

Kebanyakan akhbar utama Britain melaporkan pengumuman Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berhubung sekatan dagangan itu di muka depan di samping ruangan dalam khusus mengenai kesan hubungan dagang kedua-dua negara.

Akhbar *Independent* di muka depannya berkata, harapan Britain untuk memulih semula segera sekatan dagangan itu dengan meminta maaf kepada Malaysia, berkecai berikutan kenyataan Anwar dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Akhbar itu melaporkan Dr Mahathir menuduh media Britain 'bersikap penjajah' bahawa semua

orang Asia rasuah dan boleh dibeli".

Menurutnya, apa yang berlaku selepas ini, terpujang kepada media Britain.

"Jika mereka terus begini, tidak akan ada lagi kontrak bagi firma Britain," katanya.

Perdana Menteri dilaporkan berkata, sebarang usaha diplomatik oleh Britain sudah terlewat kerana Kabinet Malaysia sudah membuat keputusan.

Bagi mengelakkan malu berikutan keputusan Kerajaan Malaysia itu, Kementerian Luar Britain membatalkan rancangannya menghantar Ketua Perkhidmatan Diplomatik, Sir David Gillmore ke Kuala Lumpur untuk memulihkan hubungan.

Sumber kerajaan berkata: "Adalah lebih baik kita biarkan mereka (Malaysia) berfikir terhadap apa

yang telah dilakukan dan berharap sesuatu yang baik dapat dicapai."

Sementara itu, Setiausaha Luar, Douglas Hurd menyifatkan pertikaian dengan Malaysia, iaitu antara negara yang mengalami pertumbuhan ekonomi paling pantas di dunia dan sumber menguntungkan kepada firma binaan Britain sebagai 'amat serius dan merosakkan'.

Beliau berkata: "Adalah jelas Malaysia bertindak kerana kecewa dan marah terhadap laporan dan komen sesetengah media Britain.

"Bagaimanapun, mereka menyerang sasaran yang salah. Syarikat dan pekerja Britain tidak bertanggungjawab terhadap laporan media Britain, atau komen jahat daripada ahli politik pembangkang, Parti Buruh.

"Sejak kebelakangan

ini, banyak tulisan karut ditulis berhubung isu Pergau oleh mereka yang tidak bertanggungjawab terhadap implikasi laporan mereka kepada kepentingan Britain."

Di Parlimen semalam, Menteri Luar, Alistair Goodland, berkata Britain bersungguh-sungguh mahu memulihkan hubungan dengan Malaysia.

Beliau dan penyokong kerajaan menyalahkan pembangkang memperbesar-besarkan isu itu tanpa mengambil kira kesannya terhadap dagangan Britain. Mereka meminta media negara ini membuat laporan yang lebih 'bertanggungjawab' berhubung isu bantuan.

Penyokong Konservatif mencadangkan Kerajaan Malaysia mengambil tindakan undang-undang di Mahkamah Britain jika difikirkan mereka difitnah.

Di muka depan *The Guardian*, akhbar itu melaporkan Malaysia kini tidak lagi layak menerima skim bantuan luar negara seperti yang diperolehi bagi empangan Pergau membabitkan pinjaman RM936 juta (£234 juta). Hurd dijangka mengumumkan perkara itu Rabu ini.

Setiausaha Luar itu mengumumkan kajian semula program bantuan bagi dagangan membabitkan wang RM400 juta (£100 juta) dan peraturan perjanjian yang lebih ketat bagi mengelak berulangnya kontroversi Pergau, yang mengaitkan pembelian senjata dengan bantuan luar.

The Times, dalam ruangan lidah pengarangnya menyifatkan langkah Kerajaan Malaysia dibuat kerana marah dan tidak berpandangan jauh.